

05/04/2001

Beserah mungkin hadapi pilihan raya

Shariffudin Mohamed

APABILA mendengar Ketua Umno bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman, mahu meletak jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Beserah, terlintas pada fikiran, satu lagi pilihan raya kecil akan diadakan di Pahang selepas di DUN Sanggang tahun lalu.

Kali ini tentunya lebih sengit berbanding DUN Lunas kerana pembangkang tentu akan menentang habis-habisan Barisan Nasional (BN), terutama Umno untuk merampas satu lagi kerusi DUN.

Apatah lagi, Beserah juga berdekatan sempadan Terengganu di Kemaman yang bererti lebih banyak penyokong pembangkang akan turun berkempen bagi parti mereka.

Dengan mengambil kira keadaan pilihan raya kecil di Sanggang dan Lunas, kita boleh membayangkan bagaimana kempen dan hari mengundi pilihan raya kecil di Beserah.

Apa yang pasti Jalan Beserah yang menuju ke kawasan perindustrian Gebeng, pusat peranginan di Cherating sehingga Chendor sebelum memasuki daerah Kemaman, Terengganu akan dipenuhi beratus-ratus kenderaan seperti di Sanggang.

Hotel dan pantai di Cherating dan Beserah yang sering dikunjungi pelancong setiap hujung minggu dan cuti umum akan dipenuhi penyokong parti yang bertanding.

Satu senario menarik bagi wartawan untuk membuat liputan adakah berbaloi diadakan pilihan raya kecil di Beserah ketika Umno dan Pas sedang mengadakan perundingan jawatankuasa teknikal berhubung pertemuan perpaduan Melayu?

Akhbar semalam juga mengatakan kedua-dua pihak bersetuju tidak menimbulkan isu yang boleh menjejaskan usaha bagi menjayakan pertemuan itu.

Jawapannya di tangan Fauzi.

Kenapa beliau mengambil tindakan mahu meletakkan jawatan semata-mata gagal mendapat pencalonan mencukupi bagi mempertahankan jawatan ketua bahagian?

Selepas pencalonan ditutup Sabtu lalu, Fauzi hanya mendapat 10 pencalonan sedangkan pencabarnya, Datuk Faisal Abdullah (31) dan Datuk Wan Adnan Wan Mamat (24).

Jika mesyuarat bahagian Kuantan tidak ditangguhkan seperti diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu, hanya Faisal dan Wan Adnan layak bertanding jawatan disandang Fauzi itu.

Fauzi mendakwa kemungkinan ada politik wang yang menyebabkan beliau kecundang tetapi mengumumkan hal berkenaan dalam media massa agak ganjil sedangkan Umno mempunyai saluran khas untuk membuat pengaduan.

Melihat tindakan Fauzi, pemerhati berpendapat, bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu ternyata marah dengan pihak tertentu yang mahu menyingkirnya daripada mengetuai Umno bahagian Kuantan.

"Dengan membuat gertakan seperti meletakkan jawatan sebagai Adun, Fauzi kelihatan memberi isyarat kepada mereka bahawa beliau juga boleh bermain api," katanya.

Bagaimanapun, tindakan Fauzi itu membabitkan Umno Pahang pimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, kerana mungkin terpaksa menghadapi satu lagi pilihan raya kecil yang sengit.

Sesungguhnya Umno akan menghadapi tentangan hebat jika pilihan raya kecil itu diadakan.

Berdasarkan keputusan pilihan raya umum lalu, sebahagian besar pengundi

Melayu di Beserah mengundi calon Pas dan Fauzi hanya mendapat majoriti 985 undi, kebanyakan daripada bukan Melayu.

Sebab itulah Pas dan Parti Keadilan Nasional berkeyakinan merampas kerusi itu. Malah, difahamkan pembangkang sudah ada calon berpotensi untuk bertanding.

Namun, bagi Umno, bukan sesuatu yang baru untuk mempertahankan kerusi DUN seperti di Sanggang, malah mampu menambahkan majoriti kemenangan calon BN di situ.

Mengenali Adnan, beliau bukan calang-calang orang yang boleh dipersendakan parti pembangkang.

Dalam satu temubual baru-baru ini, Adnan berkata, jika mereka boleh menggunakan gelaran mahafiraun dan mahazalim terhadap pemimpin kerajaan dan Umno, beliau juga boleh berbuat demikian terhadap parti pembangkang.

(END)